Terms of Use

1. About these terms

1.1. These Terms of Use apply to Renergy website and Renergy Live, the energy monitoring dashboard (“Renergy Live Platform”), operated by Renergy (202203272609), 3, Jalan Cermai, Taman Gembira, 42600 Jenjarom, Selangor (“Renergy”, “our”, “us”, “we”).

1.2. By ticking "I have read and accept the Privacy Notice and the Terms of Use", you agree to these terms. If you use Renergy Live Platform for an organisation, you confirm that you are authorised to accept them on its behalf.

1.3. How we handle personal data is described in the Renergy Privacy Notice.

1.4. If you or the site owner have a signed order, quotation or contract with Renergy that covers the site, that document prevails over these terms where they conflict.

2. Account access

2.1. Accounts are by invitation only. The site owner, or Renergy, decides the access and the account.

2.2. Your account is for you alone. Your sign-in details are confidential. We shall be notified promptly to the Data Protection Officer should you suspect that your account has been misused. You are responsible for activity carried out through your account.

2.3. Access to a site lasts for the job or service period set out in the order for that site. Access is removed when the period ends, as described in Section 5.

2.4. We may suspend or restrict access at any time if we reasonably believe it is needed for security, to prevent misuse, to carry out maintenance, or because these terms or the related order have been breached.

3. Data limitations

3.1. Renergy Live shows readings collected by the DataBridge (DB1) device and the meters installed at the site. The readings are provided for monitoring and information.

3.2. Unless Renergy has agreed otherwise in writing, the meters are not certified for revenue or billing purposes, and readings are not an official record of electricity supplied.

3.3. Your electricity supplier's meter and bills remain the official record of the electricity you buy from them.

3.4. Outputs, reports, estimates, and recommendations are estimates and not guarantees; the design, price and any performance commitment are set only in a separate quotation or contract.

4. Third party applications

4.1. If you use readings or reports from Renergy Live Platform to bill, charge or allocate costs to a third party, such as tenants, occupants or other businesses, you do so on your own responsibility.

4.2. Renergy is not a party to supplying information to a third party. You agree to compensate Renergy for any claim brought against Renergy by those people that arises from your use of readings to bill or charge them, except to the extent the claim is caused by Renergy's fraud, wilful misconduct or breach of these terms.

5. Data retention

5.1. We keep data for the periods set out in the Privacy Notice.

5.2. Renergy's system records, including readings, logs and records of your acceptance of these terms, may be used as evidence of what they record, unless shown to be wrong.

6. Acceptable use

6.1. You must not:

- access, or try to access, sites or data you have not been invited to see;
- interfere with, test the security of, or overload Renergy Live Platform, or copy, decompile or reverse engineer its software;
- tamper with, move, disconnect or open the DataBridge device, meters or current sensors, unless Renergy has agreed in writing; or
- use Renergy Live Platform in a way that breaks the law or infringes anyone's rights.

7. Field operation

7.1. Unless the order says otherwise, the DataBridge device, meters and current sensors installed for Renergy Live Platform remain Renergy's property, and we may remove them when the job or service period ends.

7.2. The site owner must give Renergy reasonable access to install, maintain and remove the equipment, and must communicate to us promptly about any damage, fault or change at the site that may affect it.

8. Availability

8.1. Renergy Live Platform’s availability is subject to internet connections, power at the site and third-party services.

8.2. We may change, add or remove features of Renergy Live Platform at any time.

9. Liabilities

9.1. Nothing in these terms limits or excludes liability that cannot be limited or excluded by law, including your rights as a consumer under the Consumer Protection Act 1999 where that Act applies, or liability for fraud.

9.2. Subject to Section 9.1, Renergy is not liable for: (a) any loss of profit, revenue, savings, income or data; (b) any indirect or consequential loss; (c) any loss arising from your reliance on readings, reports or recommendations, including billing or cost-allocation figures; or (d) any loss caused by events outside our reasonable control, such as power or internet outages, or the acts of third parties.

9.3. Subject to Section 9.1, Renergy's total liability arising from or in connection with Renergy Live Platform is limited to the total fees paid or payable under the order of the affected site.

9.4. Renergy Live Platform is provided “as is”. Except as set out in these terms or a signed order, we give no warranty about its accuracy, completeness or fitness for a particular purpose, to the extent the law allows.

10. Ownership

10.1. Renergy Live Platform and its software and design belong to Renergy or its licensors. You may use reports and readings from Renergy Live for your own purposes, including sharing them with people you bill.

11. Amendments

11.1. If we change these terms in substance, we will publish the new version at the Renergy website and ask you to accept it the next time you sign in, before you can continue using Renergy Live. Corrections and clearer wording that do not change these terms in substance take effect when published.

12. Ending access

12.1. Access ends when the job or service period for the site ends, as per order/contract, or a cancellation. Access may also end should there be serious or repeated breach of these terms.

12.2. Sections 3, 4, 5, 9 and 13, and any other term that by its nature shall continue to apply after access ends.

13. Disputes and governing law

13.1. If you have a complaint or dispute about Renergy Live Platform, please first inform us in writing at sha@renergy.my.

13.2. These terms are governed by the laws of Malaysia. Subject to any right you have to bring a claim before the Tribunal for Consumer Claims, disputes are to be decided by the courts of Malaysia.

14. Language

14.1. These terms are published in English and Bahasa Malaysia. If the two versions differ, the English version prevails.

15. Contact

Renergy:

Renergy Engineering
3, Jalan Cermai,
Taman Gembira,
42600 Jenjarom, Selangor.
E-mail: sha@renergy.my

Last updated: 6 Nov 2026

Terma Penggunaan

1. Tentang terma ini

1.1. Terma Penggunaan ini terpakai bagi laman web Renergy dan Renergy Live, papan pemuka pemantauan tenaga (“Platform Renergy Live”), yang dikendalikan oleh Renergy (202203272609), 3, Jalan Cermai, Taman Gembira, 42600 Jenjarom, Selangor (“Renergy”, “kami”, “pihak kami”).

1.2. Dengan menanda “Saya telah membaca dan menerima Notis Privasi dan Terma Penggunaan”, anda bersetuju dengan terma ini. Jika anda menggunakan Platform Renergy Live bagi pihak sesebuah organisasi, anda mengesahkan bahawa anda diberi kuasa untuk menerimanya bagi pihak organisasi tersebut.

1.3. Cara kami mengendalikan data peribadi diterangkan dalam Notis Privasi Renergy.

1.4. Sekiranya anda atau pemilik tapak mempunyai pesanan, sebut harga atau kontrak bertandatangan dengan Renergy yang meliputi tapak tersebut, dokumen itu diguna pakai mengatasi terma ini sekiranya terdapat percanggahan.

2. Akses akaun

2.1. Akaun hanya melalui jemputan. Pemilik tapak, atau Renergy, menentukan akses dan akaun.

2.2. Akaun anda adalah untuk kegunaan anda sahaja. Butiran log masuk anda adalah sulit. Sila maklumkan Pegawai Perlindungan Data dengan segera sekiranya anda mengesyaki akaun anda telah disalah guna. Anda bertanggungjawab atas aktiviti yang dilakukan melalui akaun anda.

2.3. Akses kepada sesuatu tapak adalah bagi tempoh kerja atau perkhidmatan yang dinyatakan dalam pesanan bagi tapak tersebut. Akses ditarik balik apabila tempoh itu tamat, seperti yang diterangkan dalam Bahagian 5.

2.4. Kami boleh menggantung atau menyekat akses pada bila-bila masa jika kami percaya secara munasabah bahawa ia perlu untuk keselamatan, untuk mencegah salah guna, untuk menjalankan kerja penyelenggaraan, atau kerana terma ini atau pesanan berkaitan telah dilanggar.

3. Had data

3.1. Renergy Live memaparkan bacaan yang dikumpul oleh peranti DataBridge (DB1) dan meter yang dipasang di tapak. Bacaan disediakan untuk tujuan pemantauan dan makluman.

3.2. Melainkan Renergy telah bersetuju sebaliknya secara bertulis, meter tersebut tidak diperakui untuk tujuan hasil atau pengebilan, dan bacaan bukan rekod rasmi elektrik yang dibekalkan.

3.3. Meter dan bil pembekal elektrik anda kekal sebagai rekod rasmi elektrik yang anda beli daripada mereka.

3.4. Output, laporan, anggaran dan cadangan adalah anggaran dan bukan jaminan; reka bentuk, harga dan sebarang komitmen prestasi hanya ditetapkan dalam sebut harga atau kontrak yang berasingan.

4. Penggunaan berkaitan pihak ketiga

4.1. Jika anda menggunakan bacaan atau laporan daripada Platform Renergy Live untuk mengebil, mengenakan caj atau membahagikan kos kepada pihak ketiga, seperti

penyewa, penghuni atau perniagaan lain, anda melakukannya atas tanggungjawab anda sendiri.

4.2. Renergy bukan pihak dalam pemberian maklumat kepada pihak ketiga. Anda bersetuju untuk membayar pampasan kepada Renergy bagi sebarang tuntutan yang dibuat terhadap Renergy oleh pihak tersebut yang timbul daripada penggunaan bacaan oleh anda untuk mengebil atau mengenakan caj kepada mereka, kecuali setakat tuntutan itu disebabkan oleh penipuan, salah laku yang disengajakan atau pelanggaran terma ini oleh Renergy.

5. Penyimpanan data

5.1. Kami menyimpan data bagi tempoh yang dinyatakan dalam Notis Privasi.

5.2. Rekod sistem Renergy, termasuk bacaan, log dan rekod penerimaan terma ini oleh anda, boleh digunakan sebagai bukti perkara yang direkodkan, melainkan dibuktikan salah.

6. Penggunaan yang dibenarkan

6.1. Anda tidak boleh:

- mengakses, atau cuba mengakses, tapak atau data yang anda tidak dijemput untuk melihatnya;
- mengganggu, menguji keselamatan, atau membebankan Platform Renergy Live secara berlebihan, atau menyalin, menyahkompil atau melakukan kejuruteraan songsang terhadap perisiannya;
- mengusik, memindahkan, memutuskan sambungan atau membuka peranti DataBridge, meter atau penderia arus, melainkan Renergy telah bersetuju secara bertulis; atau
- menggunakan Platform Renergy Live dengan cara yang melanggar undang-undang atau hak mana-mana pihak.

7. Operasi di tapak

7.1. Melainkan pesanan menyatakan sebaliknya, peranti DataBridge, meter dan penderia arus yang dipasang untuk Platform Renergy Live kekal sebagai hak milik Renergy, dan kami boleh menanggalkannya apabila tempoh kerja atau perkhidmatan tamat.

7.2. Pemilik tapak hendaklah memberikan Renergy akses yang munasabah untuk memasang, menyelenggara dan menanggalkan peralatan, dan hendaklah memaklumkan kami dengan segera tentang sebarang kerosakan, kegagalan atau perubahan di tapak yang mungkin menjejaskannya.

8. Ketersediaan

8.1. Ketersediaan Platform Renergy Live bergantung pada sambungan internet, bekalan elektrik di tapak dan perkhidmatan pihak ketiga.

8.2. Kami boleh mengubah, menambah atau mengeluarkan ciri Platform Renergy Live pada bila-bila masa.

9. Liabiliti

9.1. Tiada apa-apa dalam terma ini mengehadkan atau mengecualikan liabiliti yang tidak boleh dihadkan atau dikecualikan oleh undang-undang, termasuk hak anda sebagai pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 jika Akta itu terpakai, atau liabiliti bagi penipuan.

9.2. Tertakluk kepada Bahagian 9.1, Renergy tidak bertanggungan bagi: (a) sebarang kehilangan keuntungan, hasil, penjimatan, pendapatan atau data; (b) sebarang kerugian tidak langsung atau berbangkit; (c) sebarang kerugian yang timbul daripada kebergantungan anda kepada bacaan, laporan atau cadangan, termasuk angka pengebilan atau pembahagian kos; atau (d) sebarang kerugian yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan munasabah kami, seperti gangguan bekalan elektrik atau internet, atau tindakan pihak ketiga.

9.3. Tertakluk kepada Bahagian 9.1, jumlah liabiliti Renergy yang timbul daripada atau berkaitan dengan Platform Renergy Live terhad kepada jumlah fi yang dibayar atau perlu dibayar di bawah pesanan bagi tapak yang terjejas.

9.4. Platform Renergy Live disediakan “sebagaimana adanya”. Kecuali seperti yang dinyatakan dalam terma ini atau pesanan bertandatangan, kami tidak memberikan sebarang waranti tentang ketepatan, kesempurnaan atau kesesuaiannya untuk sesuatu tujuan tertentu, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

10. Pemilikan

10.1. Platform Renergy Live serta perisian dan reka bentuknya adalah milik Renergy atau pemberi lesennya. Anda boleh menggunakan laporan dan bacaan daripada Renergy Live untuk tujuan anda sendiri, termasuk berkongsinya dengan pihak yang anda kebil.

11. Pindaan

11.1. Jika kami mengubah terma ini secara substantif, kami akan menerbitkan versi baharu di laman web Renergy dan meminta anda menerimanya semasa log masuk seterusnya, sebelum anda boleh terus menggunakan Renergy Live. Pembetulan dan penambahbaikan susunan kata yang tidak mengubah terma ini secara substantif berkuat kuasa apabila diterbitkan.

12. Penamatan akses

12.1. Akses tamat apabila tempoh kerja atau perkhidmatan bagi tapak tersebut tamat, menurut pesanan/kontrak, atau apabila berlaku pembatalan. Akses juga boleh ditamatkan sekiranya berlaku pelanggaran terma ini secara serius atau berulang kali.

12.2. Bahagian 3, 4, 5, 9 dan 13, serta sebarang terma lain yang sifatnya patut berterusan, hendaklah terus terpakai selepas akses tamat.

13. Pertikaian dan undang-undang yang mentadbir

13.1. Jika anda mempunyai aduan atau pertikaian mengenai Platform Renergy Live, sila maklumkan kami terlebih dahulu secara bertulis di sha@renergy.my.

13.2. Terma ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Tertakluk kepada sebarang hak anda untuk membawa tuntutan ke Tribunal Tuntutan Pengguna, pertikaian hendaklah diputuskan oleh mahkamah Malaysia.

14. Bahasa

14.1. Terma ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat perbezaan antara kedua-dua versi, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

15. Hubungi

Renergy:

Renergy Engineering
3, Jalan Cermai,
Taman Gembira,
42600 Jenjarom, Selangor.
E-mel: sha@renergy.my

Kemas kini terakhir: 6 Nov 2026